

26 AUG 2003

Sultanah-Mangkat

SULTANAH KEDAH MANGKAT SETELAH GERING SEMINGGU

ALOR STAR, 26 Ogos (Bernama) -- Sultanah Kedah Tuanku Hajah Bahiyah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman mangkat di Istana Kuala Cegar, Alor Star, pada pukul 12.23 tengah hari tadi. Baginda berusia 72 tahun.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang membuat pengumuman itu di Wisma Darul aman di sini, berkata Almarhumah Sultanah Kedah mangkat setelah gering selama seminggu.

Kerajaan negeri mengisytiharkan esok sebagai cuti umum bagi negeri Kedah.

Syed Razak berkata tempoh berkabung ditetapkan selama tujuh hari bermula hari ini sehingga 1 Sept, dan dalam tempoh itu, semua bentuk hiburan, keramaian dan perayaan dibatalkan.

Beliau berkata semua bendera negeri, persekutuan dan lain-lain hendaklah dikibarkan pada separuh tiang selama tujuh hari mulai hari ini.

Syed Razak berkata jenazah Almarhumah Sultanah Kedah akan disemayamkan di Dewan Penghadapan Istana Anak Bukit di sini bagi penghormatan terakhir mulai pukul 9 pagi hingga 12.50 tengah hari esok.

Beliau berkata jenazah Almarhumah akan disembahyangkan di Istana Anak Bukit pada pukul 12.50 tengah hari esok.

Jenazah Almarhumah Sultanah Kedah kemudiannya akan disemadikan di Makam DiRaja Langgar pada pukul 2.30 petang esok, katanya.

Syed Razak berkata kerajaan negeri menetapkan masa memberi penghormatan terakhir kepada orang ramai adalah dari pukul 9 hingga 11 pagi diikuti pukul 11 pagi hingga 12 tengah hari untuk wakil-wakil kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Katanya, raja-raja pula akan memberi penghormatan terakhir antara pukul 12 hingga 12.50 tengah hari.

Beliau berkata jenazah Almarhumah Sultanah Kedah akan dibawa ke Makam DiRaja Langgar melalui Lebuhraya Darulaman, Jalan Sultanah dan Jalan Langgar.

Syed Razak berkata orang ramai diminta berpakaian sopan semasa memberi penghormatan terakhir itu.

Katanya, dalam tempoh berkabung, semua rakyat beragama Islam diminta memakai songkok dengan lilitan putih manakala bagi yang bukan beragama Islam dikehendaki memakai lilitan kain putih di lengan kiri.

Syed Razak berkata sebanyak 73 das tembakan meriam akan dilepaskan di Makam DiRaja Langgar semasa istiadat pemakaman.

Sementara itu, sebanyak 17 das tembakan meriam dilepaskan sebaik sahaja Menteri Besar membuat pengumuman mengenai kemangkatan Almarhumah Sultanah Kedah.

Syed Razak berkata sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri yang dijadual berlangsung di Medan Tunku pada 31 Ogos ini di sini dibatalkan manakala sambutan bagi acara lain ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, selepas tempoh perkabungan.

Beliau berkata kemangkatan Almarhumah Sultanah Kedah telah dimaklumkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk makluman kesemua Sultan dan Raja di negeri-negeri lain.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini petang ini diikuti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dijangka tiba esok untuk memberi penghormatan terakhir.

-- BERNAMA
SN MAN ZS AZH